

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : JAWAB BUKAN LISAN
DARIPADA : YB TUAN SIM CHEE KEONG
[BUKIT MERTAJAM]
TARIKH :
SOALAN :**

YB Tuan Sim Chee Keong [Bukit Mertajam] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan status naik taraf Hospital Seberang Jaya.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman, pada masa ini terdapat dua (2) projek pembinaan di Hospital Seberang Jaya iaitu Projek Pembinaan *Multi Storey Block* dan Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya.

Bagi Projek Pembinaan *Multi Storey Block*, projek ini telah pun memulakan pembinaan pada **16 Mei 2016** dan dijangka siap pada **15 November 2019**. Tempoh pelaksanaan projek ini adalah selama **42 bulan**.

Manakala bagi Projek Naiktaraf Hospital Seberang Jaya telah bermula pada **17 Februari 2016** dengan mengambil tempoh pelaksanaan selama **24 bulan**. Jangkaan siap projek ini adalah pada **16 Februari 2018**.